



**MAJLIS DAERAH SRI AMAN
KENYATAAN TENDER**

1. Tender adalah dipelawa daripada kalangan kontraktor – kontraktor yang berdaftar dengan **Majlis Daerah Sri Aman (MDSA), Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** yang masih sah dan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** bagi kerja dan bekalan & perkhidmatan seperti berikut;

Bil.	No. Tender dan Tajuk Tender	Syarat Pendaftaran (Kelas / Kepala / Sub Kepala)	Harga Jualan Dokumen Tender	Deposit Tender
1.	MDSA/BKJ/T/RDMARRIS/29/2026 PROPOSED IMPROVEMENT OF ROAD AT JALAN TAMAN SIANG, LRG 4 SRI AMAN SQUARE, JALAN FRIENDSHIP KEJATAU, JALAN LIAN HIONG KEJATAU, JALAN CHEE NGUANG KEJATAU, JALAN PASAR SRI JAYA & JALAN TAMAN SRI JAYA, PHASE 1, MD SRI AMAN	KERJA Kelas : D Kepala : III Sub Kepala : 2a & 2b	RM50.00/set (yuran dokumen tidak dikembalikan)	RM1,000.00/set

2. Dokumen Tender boleh diperolehi di Bahagian Kejuruteraan pada waktu pejabat (**ISNIN – KHAMIS : 8.00 pagi – 1.00 tengah hari & 2.00 petang - 3.00 petang**) dan (**JUMAAT : 8.00 pagi – 11.30 pagi & 2.15 petang – 3.00 petang**) setelah pembayaran dilakukan untuk Yuran Dokumen (tidak dikembalikan) dalam bentuk wang tunai dan hanya dijual kepada kontraktor yang sah dan mengikut syarat yang ditetapkan.

3. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (Jika Berkenaan) dan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN NAMA PERNIAGAAN – ORDINAN NAMA – NAMA SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) berserta **SALINAN KAD PENGENALAN WAKIL** dan **SALINAN KAD PENGENALAN PELESEN** sebelum dokumen tender dijual kepada kontraktor yang layak.

4. Dokumen tender yang dikemukakan haruslah disertakan dengan dokumen salinan yang disahkan seperti berikut;-

- (a) Sijil Pendaftaran Perniagaan;
- (b) Sijil Taraf Bumiputera;
- (c) Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan UPKJ; dan
- (d) Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan CIDB.

Kegagalan berbuat demikian, Jawatankuasa Tender Majlis berhak menolak tawaran tender.

5. Dokumen tender yang sempurna diisi hendaklah dimeteraikan dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan jelas **TARIKH TUTUP, NOMBOR TENDER serta TAJUK TENDER** dan perlu dimasukkan ke dalam peti tender beralamat seperti berikut;

**PENGERUSI,
JAWATANKUASA PEMBUKAAN TENDER,
MAJLIS DAERAH SRI AMAN,
95007 SRI AMAN**

6. **TARIKH TUTUP** bagi tender di atas adalah pada **11 MEI 2026 (ISNIN)** sebelum jam **12.00 tengah hari** dan sebarang dokumen tender yang diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak.

7. Tempoh sah laku tender hendaklah **90 hari** dari selepas tarikh ditutup.

8. Majlis Daerah Sri Aman (MDSA) tidak terikat untuk menerima **tawaran terendah** atau **mana – mana tender**.